

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[ BELURAN ]**

**SOALAN NO. 282**

**DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [ BELURAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengambil lebih ramai graduan perubatan dan menempatkan di hospital dan klinik kesihatan di luar bandar.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan iaitu:

- a. Perubahan dasar pelantikan graduan perubatan secara tetap kepada lantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Melalui pendekatan ini, semua graduan perubatan boleh dilantik tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap;
- b. Membuat penambahbaikan terhadap proses lantikan graduan perubatan melalui pendekatan graduan dilantik terus secara kontrak tanpa perlu melalui proses temuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mulai Julai 2017. Pelantikan hanya berasaskan graduan perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan SPA;

- c. Meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) dari 38 HLS pada tahun 2009 kepada 46 buah HLS pada tahun 2018 dan tambahan bilangan penempatan alternatif daripada 5 penempatan kepada 9 penempatan di Klinik-klinik Kesihatan termasuk Kesihatan Primer dan Psikiatri bagi membolehkan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) menjalani latihan siswazah. Melalui pendekatan ini, slot latihan siswazah di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat ditingkatkan daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 11,706 pada tahun 2018. Jumlah tersebut telah meningkat kepada 12,033 slot pada tahun 2019; dan
- d. KKM telah mendapatkan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun sehingga 2021 meliputi 3 aspek utama seperti berikut:
  - i. Tiada pertambahan universiti kolej perubatan baru;
  - ii. Tiada pertambahan Program Pengajian Perubatan yang baru; dan
  - iii. Tiada pertambahan kuota pelajar Pengajian Perubatan.

KKM akan berusaha untuk melakukan penambahbaikan bagi memendekkan tempoh masa menunggu graduan perubatan bagi menjalani latihan siswazah melalui pendekatan-pendekatan berikut:

- i. Meningkatkan atau menambah bilangan HLS baru dengan membantu melengkapkan hospital-hospital sedia ada bagi memenuhi syarat akreditasi untuk dijadikan sebagai HLS. Berdasarkan perancangan KKM, sebanyak 8 buah hospital sedia ada sedang dalam penelitian untuk dilengkapkan sebagai HLS dalam tempoh 2 tahun akan datang. Justeru, penambahan 8 buah HLS baru ini dijangka akan dapat meningkatkan 400 slot latihan siswazah; dan

- ii. Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada PPS berkenaan.

Pegawai yang telah menamatkan latihan siswazah dan perlu menjalani khidmat wajib akan ditempatkan di hospital dan klinik kesihatan termasuk di luar bandar bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan kesihatan di penempatan tersebut.

Sekian, terima kasih.